



## KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 6 FEBRUARI 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 6 Februari 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **1,692 kes** (186,970 kes kumulatif, 78.3%);
- Kes baharu : **3,847 kes** (238,721 kes kumulatif);
- Kes import : **4 kes** (4 warganegara)
- Kes tempatan : **3,843 kes** [2,569 warganegara (66.8%); 1,274 bukan warganegara (33.2%)];
- Kes aktif : **50,894 kes**;
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) : **305 kes**;
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **139 kes**; dan
- Kes kematian : **12 kes** (857 kes kumulatif , 0.36%)

Selangor melaporkan kes harian baharu tertinggi iaitu sebanyak **1,481 kes (38.5 peratus)**. Daripada jumlah ini, sebanyak **1,117**

**kes (75.4 peratus)** adalah daripada kluster-kluster dan saringan kontak rapat COVID-19 yang aktif dijalankan di lapangan. Ini diikuti oleh Johor sebanyak **585 kes (15.2 peratus)** dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebanyak **402 kes (10.4 peratus)**.

Sebanyak **133 kes (3.5 peratus)** yang dilaporkan pula adalah berkaitan kluster-kluster di lokap, depot tahanan imigresen, dan penjara yang membabitkan Kluster Tembok Renggam (34 kes), Kluster Tembok Sungai Udang (33 kes), Kluster Tembok Pengkalan Chepa (22 kes), Kluster Penjara Jalan Harapan (16 kes), Kluster Tembok Taiping (16 kes), Kluster Tembok Gajah (8 kes), Kluster Tembok Mempaga (3 kes), dan Kluster Seberang Perai (1 kes).

Kes-kes kematian pada hari ini melibatkan tiga (3) kes di Sabah, tiga (3) kes di Johor, dua (2) kes di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, dua (2) kes di Melaka, masing-masing satu (1) kes di Selangor dan Kelantan. Sebanyak lapan (8) kes kematian melibatkan warganegara dan empat (4) kes bukan warganegara. KKM mengucapkan takziah kepada semua ahli keluarga mereka.

Perincian penuh jumlah kes mengikut negeri adalah seperti di **Lampiran 1 dan 2**, manakala ringkasan kes kematian mengikut negeri adalah seperti di **Lampiran 3** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

## **MAKLUMAT TERKINI BERKAITAN KLUSTER-KLUSTER**

Berikut adalah maklumat terkini berkaitan kluster-kluster di Malaysia sehingga 6 Februari 2021;

- Jumlah kluster : **888 kluster**;
- Jumlah kluster baharu : **12 kluster**;
- Jumlah kluster yang telah tamat : **447 kluster** (termasuk **lima (5)** kluster yang tamat pada hari ini iaitu **Kluster Rapat, Kluster Jalan SEDCO, Kluster Rambai, Kluster Jalan Nikolas, dan Kluster Ria-30**;
- Jumlah kluster aktif : **441 kluster**;
- Jumlah kluster dengan pertambahan kes baharu pada hari ini : **93 kluster**; dan
- Kluster-kluster dengan pertambahan kes baharu tertinggi pada hari ini adalah **Kluster Industri Serkam (257 kes), Kluster Industri Kampung Baru (167 kes), dan Kluster Mayang Pasir (102 kes)**.

## **KLUSTER BAHARU**

KKM juga ingin memaklumkan terdapat **12 kluster baharu** yang telah dikenal pasti pada hari ini, yang melibatkan 11 kluster berkaitan tempat kerja dan satu (1) kluster melibatkan kumpulan berisiko tinggi.

Perincian kluster-kluster baharu adalah seperti di **Lampiran 4** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

<b>No.</b>	<b>Nama Kluster</b>	<b>Negeri</b>	<b>Kategori Kluster</b>
1	Industri Kampung Baru	Selangor	Tempat Kerja
2	Jalan Banting-Klang	Selangor	Tempat Kerja
3	Gudang Salak Tinggi	Selangor	Tempat Kerja
4	Jalan Kuala Selangor	Selangor	Tempat Kerja
5	Lingkar Cyber	Selangor	Tempat Kerja
6	Jalan Tun Mutalib	Johor	Tempat Kerja
7	Jalan Istimewa Tujuh	Johor	Tempat Kerja
8	Jalan Bayu Satu	Johor	Tempat Kerja
9	Jalan Chester	Sabah	Tempat Kerja
10	Tapak Bina Sungai Besi	WP Kuala Lumpur	Tempat Kerja
11	Gong Nering	Terengganu	Tempat Kerja
12	Jalan Kubur Darau	Terengganu	Kumpulan Berisiko Tinggi

## **NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19**

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus patuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak**, **sempit** dan **sempang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash**, **Wear** dan **Warn**)

Patuhlah kepada **S.O.P** sebagai normal baharu. KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

6 Februari 2021 @ 6.00 petang.

**LAMPIRAN 1**

**BILANGAN KES COVID-19  
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA  
(SEHINGGA 6 FEBRUARI 2021, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

<b>NEGERI</b>	<b>BILANGAN KES BAHARU *( )</b>	<b>BILANGAN KES KUMULATIF</b>
<b>SELANGOR</b>	1,481	76,778
<b>SABAH</b>	233	50,214
<b>WP KUALA LUMPUR</b>	402 (2)	28,851
<b>JOHOR</b>	585 (2)	26,145
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	133	12,302
<b>PULAU PINANG</b>	211	8,691
<b>PERAK</b>	36	6,781
<b>KEDAH</b>	64	6,222
<b>SARAWAK</b>	185	5,457
<b>MELAKA</b>	329	4,483
<b>KELANTAN</b>	62	3,572
<b>PAHANG</b>	48	3,344
<b>TERENGGANU</b>	56	2,559
<b>WP LABUAN</b>	10	2,194
<b>WP PUTRAJAYA</b>	8	946
<b>PERLIS</b>	4	182
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>3,847 (4)</b>	<b>238,721</b>

\*( ) adalah merujuk kepada kes-kes import

**Perincian 3,847 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 6 Februari 2021 adalah seperti berikut:**

- **Selangor: 1,481 kes**

- 258 kes daripada kluster-kluster; termasuk 194 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Industri Kampung Baru, Kluster Jalan Banting-Klang, Kluster Gudang Salak Tinggi, Kluster Jalan Kuala Selangor, dan Kluster Lingkaran Cyber;**
- 859 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 364 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Johor: 585 kes**

- 244 kes daripada kluster-kluster, termasuk 47 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Jalan Istimewa Tujuh, Kluster Jalan Tun Mutalib, dan Kluster Jalan Bayu Satu;**
- 186 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
- Dua (2) kes import luar negara; dan
- 153 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: 402 kes**
  - 56 kes daripada kluster-kluster, termasuk 12 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Tapak Bina Sungai Besi**;
  - 139 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
  - Dua (2) kes import dari luar negara; dan
  - 205 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Melaka: 329 kes**
  - 288 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
  - 27 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - 14 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Sabah: 233 kes**
  - 59 kes daripada kluster-kluster, termasuk tujuh (7) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Jalan Chester**;
  - 130 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - 44 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Pulau Pinang: 211 kes**
  - 151 kes daripada kluster-kluster sedia ada;



- 10 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 50 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Sarawak: 185 kes**
  - 81 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
  - 42 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - 62 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Negeri Sembilan: 133 kes**
  - 33 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
  - 55 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - 45 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Kedah: 64 kes**
  - 20 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
  - 21 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - 23 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Kelantan: 62 kes**
  - 22 kes daripada kluster sedia ada;

- 16 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 24 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Terengganu: 56 kes**
  - 22 kes daripada kluster-kluster, termasuk lima (5) kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Jalan Kubur Darau dan Kluster Gong Nering**;
  - 17 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - 17 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Pahang: 48 kes**
  - 32 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
  - 12 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - Empat (4) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Perak: 36 kes**
  - 25 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
  - 10 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Labuan: 10 kes**
  - Tiga (3) kes daripada kluster sedia ada;
  - Satu (1) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - Enam (6) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Wilayah Persekutuan Putrajaya: Lapan (8) kes**
  - Lima (5) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - Tiga (3) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Perlis: Empat (4) kes** daripada lain-lain saringan COVID-19.

### LAMPIRAN 3

Ringkasan 12 kes kematian pada 6 Februari 2021 adalah seperti berikut:

No. Kematian	No. Kes	Negeri	Jantina (Warganegara)	Umur (tahun)	Hospital / Tempat Kematian	Latar Belakang
846	175632	Kelantan	Perempuan (WN)	62	Hospital Sultan Ismail Petra, Kuala Krai	Penyakit kencing manis
847	197939	Melaka	Lelaki (WN)	81	Hospital Melaka	Penyakit darah tinggi, kencing manis, jantung, dan strok
848	207038	Selangor	Lelaki (WN)	75	Hospital Tengku Ampuan Jemaah, Sabak Bernam	Penyakit kencing manis dan <i>glioblastoma multiforme</i>
849	209441	Melaka	Lelaki (WN)	63	Hospital Melaka	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan buah pinggang kronik
850	213999	Johor	Perempuan (WN)	60	Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru	Penyakit kencing manis, darah tinggi, asma, dan buah pinggang kronik
851	229141	Sabah	Perempuan (WN)	55	Hospital Tuaran	Penyakit darah tinggi
852	233839	Johor	Lelaki (WN)	67	Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru	Penyakit kencing manis, darah tinggi, jantung, dan strok
853	233900	Johor	Perempuan (WN)	42	Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom, Kluang	Penyakit kencing manis
854	167119	Sabah	Lelaki (BWN)	38	Hospital Tawau	Penyakit leukemia

855	191976	WP Kuala Lumpur	Lelaki (BWN)	46	Hospital Kuala Lumpur	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan buah pinggang kronik
856	236988	WP Kuala Lumpur	Lelaki (BWN)	51	Hospital Kuala Lumpur	-
857	232888	Sabah	Perempuan (BWN)	84	Hospital Tawau	Penyakit darah tinggi, dislipidemia, dan strok

\*WN merujuk kepada warganegara dan BWN merujuk kepada bukan warganegara.

**Perincian 12 kluster baharu yang telah dikenal pasti pada hari ini iaitu:**

**1. KLUSTER INDUSTRI KAMPUNG BARU**

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Petaling di Selangor. Kes-kes bagi kluster ini telah dilaporkan positif COVID-19 pada 6 Februari 2021 hasil saringan bersasar tiga (3) buah kilang yang terletak di Kampung Baru, Sungai Buloh. Sehingga 6 Februari 2021, sejumlah 450 individu telah disaring, di mana **167 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

**2. KLUSTER JALAN BANTING-KLANG**

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Kuala Langat di Selangor. Kes-kes bagi kluster ini telah dilaporkan positif COVID-19 pada 6 Februari 2021 hasil saringan bersasar sebuah kilang di Jalan Banting-Klang, *Telok Panglima Garang Industrial Estate*, Kuala Langat. Sehingga 6 Februari 2021, sejumlah 287 individu telah disaring, di mana **13 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

### **3. KLUSTER GUDANG SALAK TINGGI**

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Sepang di Selangor. Kes-kes bagi kluster ini telah dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 4 Februari 2021 hasil saringan bersasar sebuah syarikat perkhidmatan di Bandar Baru Salak Tinggi, Sepang. Sehingga 6 Februari 2021, sejumlah 455 individu telah disaring, di mana **42 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

### **4. KLUSTER JALAN KUALA SELANGOR**

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Kuala Selangor di Selangor. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-235115) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 6 Februari 2021 hasil saringan kontak rapat. Kluster ini sebuah sekolah di Kampung Tanjong Karang, Jalan Kuala Selangor-Teluk Intan, Kuala Selangor. Sehingga 6 Februari 2021, sejumlah 87 individu telah disaring, di mana **11 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

### **5. KLUSTER LINGKARAN CYBER**

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Sepang dan Petaling di Selangor. Kes-kes bagi kluster ini telah dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 5 Februari 2021 hasil saringan bersasar sebuah pasar raya yang terletak di Lingkaran Cyber

Point Timur, Cyberjaya, Sepang. Sehingga 6 Februari 2021, sejumlah 75 individu telah disaring, di mana **24 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

## **6. KLUSTER JALAN CHESTER**

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Tawau di Sabah. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-220570) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 2 Februari 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan pekerja-pekerja sebuah kedai emas yang terletak di Jalan Chester, Tawau. Sehingga 6 Februari 2021, sejumlah 19 individu telah disaring, di mana **10 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

## **7. KLUSTER TAPAK BINA SUNGAI BESI**

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Cheras di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kes-kes bagi kluster ini telah dilaporkan positif COVID-19 pada 6 Februari 2021 hasil saringan bersasar sebuah tapak binaan di Jalan Sungai Besi. Sehingga 6 Februari 2021, sejumlah 113 individu telah disaring, di mana **12 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.



## **8. KLUSTER JALAN TUN MUTALIB**

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Kota Tinggi di Johor. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-193314) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 27 Januari 2021 hasil saringan sebelum pulang ke negara asal. Kluster ini melibatkan pekerja-pekerja sebuah kilang yang terletak di Jalan Tun Mutalib, Bandar Tenggara, Kota Tinggi. Sehingga 6 Februari 2021, sejumlah 32 individu telah disaring, di mana **enam (6) kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

## **9. KLUSTER JALAN ISTIMEWA TUJUH**

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Johor Bahru di Johor. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-221799) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 2 Februari 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan pekerja-pekerja sebuah kilang yang terletak di Jalan Istimewa, Taman Perindustrian Cemerlang, Ulu Tiram, Johor Bahru. Sehingga 6 Februari 2021, sejumlah 92 individu telah disaring, di mana **29 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

## **10. KLUSTER JALAN BAYU SATU**

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Johor Bahru di Johor. Kes-kes bagi kluster ini telah dilaporkan positif COVID-19 pada 6 Februari 2021 hasil saringan bersasar sebuah kilang yang terletak di Jalan Bayu Satu, Bandar Seri Alam, Masai. Sehingga 6 Februari 2021, sejumlah 35 individu telah disaring, di mana **18 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

## **11. KLUSTER GONG NERING**

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Besut di Terengganu. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-231456) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 12 Januari 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan pekerja-pekerja syarikat perkhidmatan yang terletak di Kampung Gong Nering, Besut. Sehingga 6 Februari 2021, sejumlah 183 individu telah disaring, di mana **26 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

## **12. KLUSTER JALAN KUBUR DARAU**

Kluster kumpulan berisiko tinggi ini melibatkan daerah Besut di Terengganu. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-198177) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 28 Januari 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan kontak

keluarga dan sosial kes indeks di Jalan Kubur Darau dan Kampung Raja, Besut. Sehingga 6 Februari 2021, sejumlah 42 individu telah disaring, di mana **15 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.